

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Rakyat lega pengekalan Kadar Dasar Semalam

Rakyat lega pengekalan Kadar Dasar Semalam

Pengekalan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada 3.00 peratus dapat memberi keleagaan kepada rakyat serta menggalakkan lagi perkembangan ekonomi domestik, kata penganalisis.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berpendapat pengekalan kadar berkenaan memberikan ruang kepada ekonomi rakyat untuk kekal pulih.

Beliau berkata, rakyat ketika ini tertekan dengan kenaikan kos sara hidup walaupun kadar inflasi terus terkawal manakala kadar inflasi keseluruhan bertambah baik sekitar 2.8 peratus pada Mei yang lalu.

"Keputusan BNM itu katanya sangat membantu terutama kuasa membeli pengguna yang berkurangan apabila pertambahan OPR sekiranya berlaku

akan meningkatkan lagi pembayaran pinjaman bulanan kepada bank," katanya.

Aimi Zulhazmi berkata, selain itu, perkembangan ekonomi domestik juga dapat dikekalkan supaya terus memacu pertumbuhan yang baik.

Beliau berkata, ini adalah disebabkan eksport negara semakin perlahaan dengan beberapa bulan kebelakangan ini jumlah perdagangan negara semakin sederhana, malah eksport mengecut sebanyak dua bulan berturut-turut pada April dan Mei.

"Ini disebabkan ekonomi global semakin merosot dengan kelembapan ekonomi berlaku di Eropah dan Amerika Syarikat (AS) berikutan keputusan bank pusat negara itu menaikkan kenaikan OPR dalam tempoh berikutnya.

"Walaubagaimanapun, tanggapan sedemikian adalah berdasarkan bagaimana inflasi teras akan berkembang terutamanya dalam konteks kemungkinan perubahan dalam dasar beriktian subsidi dan kawalan harga serta pembangunan penanda aras kewangan.

pai pasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 4.5 hingga 5 peratus," katanya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzlanizam Abdul Rashid, pula berkata tindakan BNM itu menunjukkan bahawa keadaan dasar monetari adalah sedikit akomodatif.

Beliau berkata, pengekalan OPR itu juga adalah sebahagian langkah BNM membiarkan pintu terbuka untuk kemungkinan OPR dalam tempoh berikutnya.

"Walaubagaimanapun, tanggapan sedemikian adalah berdasarkan bagaimana inflasi teras akan berkembang terutamanya dalam konteks kemungkinan perubahan dalam dasar beriktian subsidi dan kawalan harga serta pembangunan penanda aras kewangan.

"Sehubungan itu, saya percaya BNM amat berhati-hati tentang cara mereka mengemudi dasar monetari pada masa sektor luar semakin mencabar," katanya.

Afzlanizam berkata, penurunan berterusan dalam Indeks Pengurus Pembelian (PMI) secara global menunjukkan bahawa perniagaan telah menjadi berhati-hati terhadap prospek pendapatan mereka.

Beliau berkata, ia boleh mendorong mereka untuk melihat semula strategi perniagaan termasuk rancangan pengambilan pekerja serta perbelanjaan modal.

"Dari satu segi, prospek pasar buruh dan tekanan harga dijangka berkurangan pada masa hadapan.

"Saya rasa BNM mungkin mahu mengekalkan OPR stabil pada 3.00 peratus sepanjang 2023," katanya.

Keputusan BNM itu sangat membantu terutama kuasa membeli pengguna yang berkurangan apabila pertambahan OPR sekiranya berlaku akan meningkatkan lagi pembayaran pinjaman bulanan kepada bank

Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, Penganalisis ekonomi UniKL Business School

